

Susulan cadangan projek pembangunan di Genting Highlands

Hanya 327 hektar dapat kelulusan EIA

Eksklusif

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Hanya 327 hektar cadangan projek pembangunan tanah tinggi di Genting Highlands mempunyai kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) sejak tujuh tahun lalu, bukannya 5,700 hektar seperti didakwa sebuah pertubuhan alam sekitar sebelum ini.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, yang mengesahkan perkara itu berkata, sejak 2015 Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah meluluskan 14 laporan EIA bagi membolehkan projek pembangunan dilaksanakan di kawasan seluas 327 hektar itu.

“Ia diluluskan selepas pema-ju dan pemilik tanah mengikuti syarat dan garis panduan pem-

angunan yang ditetapkan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974.

“Walaupun sudah diluluskan, penilaian sendiri daripada pihak penggerak projek dan jururunding EIA berhubung dengan perubahan kepada konsep projek, perubahan atau penambahan komponen serta keadaan persekitaran semasa perlu dinilai sendiri bagi mengelak risiko kepada alam sekitar.

“Sebarang perubahan ini wajib dimaklumkan kepada JAS selain dari pendekatan penguatkuasaan melalui arahan atau mengeluarkan notis untuk mendapatkan laporan EIA baharu atau laporan tambahan untuk penilaian semula,” katanya kepada *BH*.